

PRAKTIS Ujian Akhir Sesi Akademik



Bahagian A

6.1 Pengenalan Ekonomi Moden oleh Kuasa Barat di Negara Kita

1 Mengapakah ekonomi moden memerlukan modal yang besar?

Buku Teks
m.s. 136

- A Permintaan yang tinggi
- B Penggunaan buruh yang ramai
- C Pertambahan pelaburan dari luar
- D Peningkatan proses pengeluaran

Aras S Memahami

2 Senarai berikut merupakan ekonomi moden yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu.

Buku Teks
m.s. 136

- Perlombongan
- Pertanian komersial

Apakah tujuan pengenalan ekonomi moden tersebut

- A Menyediakan peluang pekerjaan
- B Memajukan ekonomi orang Melayu
- C Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
- D Memperoleh keuntungan maksimum

Aras S Memahami

3 Perusahaan bijih timah berkembang maju kerana permintaan yang tinggi di pasaran dunia.

Buku Teks
m.s. 139

Apakah tindakan British untuk menguasai industri bijih timah tersebut?

- A Mengubal undang-undang baru
- B Meluluskan konsesi tanah yang murah
- C Menghalang penglibatan orang Melayu
- D Mengekalkan teknik melampai

Aras R Menganalisis

4 Senarai berikut berkaitan dengan kawasan perlombongan di Tanah Melayu.

Buku Teks
m.s. 139

Negeri	Lokasi
Selangor	Batu Arang
Sarawak	Sadong
Sabah	Silimpon Sandakan

Apakah yang dilombong di kawasan tersebut?

- A Emas
- B Petroleum
- C Bijih timah
- D Arang batu

Aras T Mengingat

5 Gambar berikut ialah pokok rumbia yang banyak terdapat di Sarawak.

Buku Teks
m.s. 140



Apakah produk yang boleh dihasilkan daripada pokok rumbia tersebut?

- A Sagu
- B Bijirin
- C Santan
- D Kerepek

Aras R Mengingat

6 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan Dinasti Brooke di Sarawak.

Buku Teks
m.s. 141

Dinasti Brooke tidak menggalakkan pembukaan ladang getah oleh syarikat asing.

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan oleh Dinasti Brooke?

- A Mengutamakan perusahaan lada hitam
- B Melindungi ekonomi penduduk kampung
- C Mengatasi masalah kejatuhan harga getah
- D Mengelakkan orang tempatan menjual tanah

Aras S Memahami

7 Gambar berikut ialah kapal korek yang digunakan untuk perlombongan bijih timah.

Buku Teks
m.s. 142



Apakah syarikat pertama yang menggunakan kapal korek di Perak?

- A Straits Trading Company
- B Eastern Smelting Company
- C Syarikat Malayan Tin Dredging
- D Pahang Consolidated Company Limited

Aras S Mengingat

8 Mengapakah tokoh berikut membungkus anak-anak pokok getah di dalam arang yang lembap?

Buku Teks
m.s. 140



Henry Ridley

- A Pokok tidak mudah rosak
- B Hayat pokok lebih tahan lama
- C Tidak mudah dijangkiti penyakit
- D Mudah diangkut ke tempat jauh

Aras S Memahami

9 Maklumat berikut berkaitan dengan orang luar yang masuk ke Sarawak.

Buku Teks
m.s. 144

- Orang Cina
- Orang Jawa

Apakah persamaan peranan kedua-dua orang luar tersebut?

- A Memproses sagu
- B Menanam lada hitam
- C Menjadi buruh ladang
- D Mengusahakan perlombongan

Aras S Menganalisis

10 Maklumat berikut berkaitan dengan jumlah imigran China di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Buku Teks
m.s. 144

Tahun	Imigran
1891	163 000 orang
1901	300 000 orang

Apakah faktor yang mendorong kedatangan buruh dari China?

- I Kepesatan ekonomi
- II Peluang pekerjaan
- III Modal yang banyak
- IV Kemajuan sistem pengangkutan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras S Memahami

11 Maklumat berikut berkaitan dengan eksport utama di Sarawak pada abad ke-20.

Buku Teks
m.s. 145

Eksport	Kegiatan
Pertama	Petroleum
Kedua	X

Apakah X?

- A Bauksit
- B Getah
- C Emas
- D Sagu

Aras R Mengingat

6.2 Pentadbiran Barat Berkaitan dengan Ekonomi

12 Pernyataan berikut berkaitan dengan undang-undang tanah yang dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu.

Buku Teks
m.s. 146

Akta Tanah Simpanan Melayu

Apakah tipu muslihat British memperkenalkan undang-undang tersebut?

- A Memudahkan orang Melayu bercucuk tanam.
- B Menjamin kelangsungan ekonomi dan politik British
- C Meningkatkan pengeluaran pertanian orang Melayu
- D Memudahkan tanah tersebut dijual kepada orang asing

Aras S Menganalisis

13 Jadual berikut berkaitan dengan jumlah buruh dari China ke Negeri-negeri Melayu.

Buku Teks
m.s. 147

Tahun	Imigran
1891	163 000 orang
1901	300 000 orang

Apakah faktor yang mendorong kedatangan buruh dari China tersebut?

- A Pembinaan kapal laut
- B Sokongan pembesar
- C Modal yang banyak
- D Peluang pekerjaan

Aras S

14 Jadual berikut merupakan tindakan British di Negeri-negeri Melayu.

Tahun	Penubuhan
1905	Jabatan Pertanian

Mengapakah British menubuhkan jabatan tersebut?

- I Memajukan sistem pengairan
- II Membangunkan industri getah
- III Membuat penyelidikan tanaman
- IV Melicinkan pemasaran pertanian
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras T Memahami

15 Mengapakah institusi tersebut ditubuhkan oleh British?

Tahun	Peristiwa
1897	British menubuhkan Lembaga Pesuruhjaya Wang di bawah Ordinan XIII.

- A Melicinkan urusan kewangan
- B Mengeluarkan mata wang kertas
- C Menghapuskan mata wang tradisional
- D Menyediakan pinjaman kepada modal

Aras S Memahami

6.3 Kesan Ekonomi Akibat Pentadbiran Barat di Negara Kita

16 Apakah kesan kemajuan sistem pengangkutan berikut terhadap Tanah Melayu?

- Pembinaan jalan raya
- Pembinaan jalan kereta api

- A Pembinaan pusat pentadbiran
- B Penguasaan ekonomi penjajah
- C Pengenalan tanaman komersial
- D Penghijrahan penduduk tempatan

Aras T Menganalisis

17 Gambar berikut berkaitan dengan bandar di Miri, Sarawak pada awal abad ke-20.



Bagaimanakah berlakunya perkembangan bandar tersebut?

- A Penanaman gambir
- B Pembinaan jalan raya
- C Penemuan petroleum
- D Perkembangan pelabuhan

Aras S Menganalisis

6.4 Kesan Sosial Akibat Perkembangan Ekonomi di Negara Kita

18 Apakah ciri-ciri masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu?

- I Pengasingan sosial dan budaya
- II Perpaduan antara kaum tercapai
- III Peningkatan taraf hidup penduduk
- IV Perbezaan pendidikan dan pekerjaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras S Memahami

19 Sistem pendidikan berikut diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu.

Sistem pendidikan vernakular

Mengapakah sistem pendidikan tersebut tidak dapat memupuk perpaduan kaum di Tanah Melayu?

- I Bahasa ibunda digunakan
- II Sukatan pelajaran berbeza
- III Kemudahan asas terhad
- IV Peruntukan kewangan terhad
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras R Menganalisis

20 Mengapakah hospital berikut dibina di Sarawak?

Hospital Raja Brooke Memorial

- A Tapak penempatan kusta
- B Pusat penyelidikan kesihatan
- C Tempat rawatan buruh ladang
- D Pembasmian penyakit berjangkit

Aras S Memahami